

NAMA PELAJAR : ..... TINGKATAN : .....



## MODUL ULANG KAJI BERFOKUS SPM 2020 (SET 2)

### SEJARAH

1249/2

Kertas 2

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **kelas** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman dan 2 halaman tidak bercetak

**Bahagian A**


[40 markah]

*Jawab semua soalan*

**1** Gambar 1 menunjukkan monumen dalam tamadun awal dunia.



**X**



**Y**

Gambar 1

(a) Apakah fungsi monumen yang bertanda:

**X** : .....

**Y** : .....

[2 markah]

(b) Mengapakah masyarakat dalam tamadun awal mampu membina monumen di 1(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah monumen dapat dipulihara sebagai lambang warisan negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Pengaruh Islam telah membawa perubahan dalam aktiviti perdagangan di Melaka termasuk bidang percukaian.

(a) Nyatakan **dua** jenis cukai yang dikenakan kepada pedagang di Melaka.

- (i) .....
  - (ii) .....
- [2 markah]

(b) Jelaskan pelaksanaan sistem percukaian yang diamalkan di Melaka.

- .....
  - .....
  - .....
  - .....
  - .....
- [4 markah]

(c) Mengapakah sistem percukaian merupakan salah satu sumber pendapatan utama kepada sesebuah negara?

- .....
  - .....
  - .....
  - .....
  - .....
- [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

3 Gerakan nasionalisme tetap berlaku di Thailand walaupun negara tersebut tidak dijajah.

(a) Jelaskan maksud gerakan nasionalisme.

.....  
.....

[2 markah]

(b) Mengapakah gerakan nasionalisme di Thailand berbeza daripada gerakan nasionalisme di negara lain di Asia Tenggara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah pemimpin Thailand menyelesaikan ketidakpuasan hati rakyat paada gerakan nasionalisme ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Majlis Perundangan Negara (MPN).

(a) Nyatakan **dua** prinsip Rukun Negara.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Jelaskan kepentingan penghayatan prinsip Rukun Negara yang pertama.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah anda dapat mendukung Prinsip Rukun Negara?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]



[Lihat halaman sebelah

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab mana-mana **tiga** soalan daripada bahagian ini.

- 5 Penciptaan tulisan telah membawa kepada perkembangan sistem pendidikan kerajaan Mesir Purba.
- (a) Jelaskan tujuan sistem tulisan dicipta. [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan sistem pendidikan dalam kerajaan Mesir Purba. [8 markah]
- (c)
- World Economic Forum* telah mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kualiti pendidikan terbaik dunia apabila berjaya mengisi kedudukan ke 19 daripada 141 buah negara pada tahun 2018.

Sumber: *Sinar Harian*, 27 Januari 2019.
- Beri hujah anda berdasarkan pernyataan di atas. [8 markah]
- 6 Perjanjian Hudaibiyah telah termeterai antara pihak Islam dengan Arab Quraisy pada tahun 628 M bersamaan 6H. Perjanjian ini menjadi perintis kepada pembukaan semula kota Makkah.
- (a) Terangkan peristiwa yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah. [4 markah]
- (b) Jelaskan kandungan Perjanjian Hudaibiyah. [4 markah]
- (c) (i) Sejauh manakah Perjanjian Hudaibiyah menjadi perintis kepada pembukaan semula kota Makkah? [6 markah]
- (ii) Mengapakah pembukaan semula kota Makkah penting dalam sejarah perkembangan Islam? [6 markah]
- 7 Negara kita telah menjadi tumpuan buruh luar sejak abad ke-19 hingga kini.
- (a) Mengapakah keadaan tersebut berlaku? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah buruh luar dibawa masuk ke negara ini pada abad ke-19? [8 markah]
- (c) Kemasukan buruh asing tanpa izin memberi kesan kepada sosioekonomi negara. Cadangkan langkah bagi membendung kemasukan buruh tersebut. [8 markah]

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan British yang membawa kepada penentangan pemimpin tempatan di Tanah Melayu.

Tindakan British
<ul style="list-style-type: none"><li>• Campur tangan dalam adat resam</li><li>• Pelaksanaan pentadbiran Barat</li></ul>

- (a) Mengapakah pemimpin tempatan menentang tindakan tersebut? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah pemimpin tempatan berikut menentang British ?
- (i) Dato' Maharaja Lela [4 markah]
- (ii) Haji Abdul Rahman Limbong [4 markah]
- (c) Tindakan pemimpin tempatan menentang British merupakan tindakan yang sangat wajar. Beri alasan anda. [8 markah]
- 9 Pemimpin-pemimpin Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil langkah yang bijak dengan mewujudkan pakatan murni dalam usaha menangani tuntutan pelbagai kaum.
- (a) Jelaskan maksud pakatan murni. [4 markah]
- (b) Terangkan usaha yang telah dilaksanakan untuk menjayakan pakatan murni sebelum penubuhan Parti Perikatan. [8 markah]
- (c) Pakatan murni penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat. Beri hujah anda. [8 markah]

[Lihat halaman sebelah

10 Pernyataan berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.

Sejak tahun 1957, Malaysia mengekalkan sistem politik pelbagai parti yang mana parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Sistem yang digunakan di Malaysia berasaskan '*First-Past-The-Post-System*'. Ini bermakna calon-calon yang memperoleh majoriti akan diisytihar pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Sumber : <https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-raya/penjalanan-pilihan-raya/umum>

- (a) Jelaskan syarat untuk menjadi calon dalam pilihan raya? [4 markah]
- (b) Nyatakan proses pilihan raya yang dilaksanakan di negara kita. [8 markah]
- (c) Suruhanjaya Pilihan Raya berperana memelihara ketelusan perjalanan pilihan raya. Berikan cadangan anda bagi memantapkan lagi peranan tersebut. [8 markah]

11 Rajah berikut berkaitan dengan dasar luar Malaysia.

<b>Tahap Pertama</b>	Tunku Abdul Rahman	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar pro-Barat</li> <li>• Anti Komunis</li> </ul>
<b>Tahap Kedua</b>	Tun Abdul Razak Tun Hussein Onn	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar berkecuali</li> <li>• Berbaik-baik dengan semua negara</li> </ul>
<b>Tahap Ketiga</b>	Tun Mahathir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kepentingan Ekonomi</li> <li>• Dasar Pandang ke Timur</li> </ul>

- (a) Mengapakah dasar luar pada tahap pertama adalah pro-Barat dan anti komunis? [4 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan Malaysia mengambil pendirian dasar berkecuali pada tahap kedua. [8 markah]
- (c) Malaysia melaksanakan pelbagai usaha dalam menjaga kepentingan ekonominya melalui dasar luarnya pada tahap ketiga.

Bagaimanakah usaha tersebut memberi manfaat kepada Malaysia? [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**